

26/06/2002

Hudud Pas ditentang kerana menyeleweng

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan Persekutuan hanya menentang cadangan pelaksanaan hukum hudud Kerajaan Pas Terengganu kerana ia banyak menyeleweng, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata, perkara itu perlu diperjelaskan kepada orang ramai supaya mereka tidak terkeliru sehingga menganggap Kerajaan Persekutuan menentang hukum hudud sebenar.

Katanya, kerajaan mengiktiraf hukum hudud sebenar walau pun ia hanya segmen kecil daripada kumpulan Undang-Undang Syariah.

"Apa yang Kerajaan Persekutuan tentang ialah hudud yang dianjurkan secara menyeleweng oleh Kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu. Itu yang kita pertikaikan.

"Untuk pengetahuan umum juga, Perkara 74 Perlembagaan Malaysia, menentukan bab dan perkara yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri. Lanjutan daripada itu Jadual 9 Seksyen 4 misalnya, menentukan bahawa soal jenayah adalah soal Persekutuan.

"Ia tidak boleh dilakukan oleh mana-mana pihak selain Kerajaan Persekutuan," katanya selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Undang-Undang dan Perniagaan di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno minggu lalu bahawa kerajaan akan meneliti cara bagaimana ia boleh menghalang pelaksanaan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) oleh Pas di Kelantan dan Terengganu.

Rais menjelaskan, kajian perlu dibuat kerana cadangan hukum hudud yang hendak dilaksanakan oleh Pas itu tidak berlandaskan hudud sebenar mengikut ajaran Islam.

Kerajaan katanya, akan terus bersikap spesifik dan konstruktif dalam menyuarakan pandangan berhubung isu berkenaan dan akan memastikan apa juga undang-undang dilaksanakan dengan betul.

Mengenai tindakan Kerajaan Pas Terengganu yang tetap akan membentangkan deraf undang-undang itu di Dewan Undangan Negeri (DUN) awal bulan depan, beliau berkata, itu hak perundangan negeri berkenaan dan Pusat tidak boleh menghalang mereka berbuat demikian.

"Tetapi setelah mereka bangkitkan dan luluskan di DUN kita akan lihat apakah kesannya dan selepas itu barulah kita lihat apa tindakan yang boleh atau perlu kita buat dari segi undang-undang," katanya.

Beliau berkata, cadangan Pas melaksanakan hukum itu lebih bermotifkan politik iaitu usaha Kerajaan Terengganu untuk mengalih pandangan rakyat daripada kelemahan pentadbirannya.

Sebelum ini, banyak pihak menentang cadangan deraf rang undang-undang hudud yang mahu dilaksanakan Kerajaan Pas Terengganu kerana dikatakan menzalimi wanita mangsa rogol.

Malah, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita membantah Seksyen 9, Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) itu.

(END)